

27 skim pelaburan palsu kutip wang RM4.4 bilion daripada mangsa mahu cepat kaya

1.7 juta rakyat Malaysia tertipu

Oleh NURUL KHAIRIAH MOHAMED YUSOF

KUALA LUMPUR – Polis menganggarkan seramai 1.7 juta rakyat Malaysia tertipu dengan 27 skim pelaburan palsu yang menjanjikan pulangan lebih 100 peratus dalam tempoh Julai 2013 sehingga September lalu.

Dalam tempoh hampir lima tahun itu, Polis Diraja Malaysia (PDRM) menganggarkan sindiket skim pelaburan tersebut telah mengaut keuntungan kira-kira RM4.4 bilion daripada mangsa-mangsanya.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman, Datuk Seri Acryl Sani Abdullah Sani berkata, dalam tempoh Julai 2013 hingga September lalu, pihaknya menerima lebih 2,500 laporan membabitkan 1.7 juta mangsa yang terjejak dengan kes-kes skim pelaburan palsu.

Menurut beliau, daripada 27 skim pelaburan yang dikesan, skim pelaburan JJ Poor To Rich mencatatkan kerugian paling besar iaitu membabitkan RM1.2 bilion dengan jumlah mangsa seramai 500,000 orang.

“Bagaimanapun, polis sehingga September lalu hanya menerima 14 laporan daripada mangsa yang melibatkan kerugian sebanyak RM78,660. Sebanyak 10 kertas siasatan dibuka berkaitan skim tersebut.

“Kami anggarkan skim pelaburan JJ Poor To Rich telah mengutip wang mangsa yang ditipu sehingga mencecah RM1.2 bilion dari April 2015 sehingga Jun lalu” kata beliau.

Acryl Sani memberitahu, kerugian

Barang rampasan kes skim pelaburan palsu Krubal



ACRYL SANI



SUSPEK wanita skim Krubal

skim pelaburan Krubal menawarkan pelaburan barangan kosmetik melalui aplikasi WhatsApp dan laman sosial Facebook dengan mengambil deposit daripada mangsa untuk diaburkan dalam sebuah syarikat tempatan.

“Pakej pelaburan yang ditawarkan oleh suspek adalah di antara RM350 hingga RM55,000 dan pulangan tinggi dijanjikan kepada pelabur iaitu melebihi 100 peratus selepas tiga bulan selain hadiah emas dengan berat tertentu,” katanya.

Acryl Sani menambah, susulan pena-

INFO

27 skim pelaburan tipu di Malaysia

| Nama skim pelaburan | Anggaran Kerugian |
|---|-------------------|
| ● JJ Poor To Rich (JJPTR) | RM1.2 bilion |
| ● Mface/MBI | RM700 juta |
| ● Bit Coin - Bit Kingdom | RM560 juta |
| ● Mekah Islamic Hotel | RM500 juta |
| ● Pelaburan GM Friday | RM450 juta |
| ● Monospace | RM300 juta |
| ● Pelaburan Forex - MGCFX | RM250 juta |
| ● Pelaburan Emas - Pegasus Bullion | RM200 juta |
| ● Richway | RM130 juta |
| ● Pelaburan Emas - Royal Gold | RM100 juta |
| ● Pelaburan Emas - Tok Belagak | RM100 juta |
| ● Venus FX | RM80 juta |
| ● Crude Palm Oil | RM63 juta |
| ● Highway Group Resources | RM55 juta |
| ● AAM Academy | RM50 juta |
| ● Kongsi Makan | RM34 juta |
| ● Federal Reserve Chicago Bond | RM20 juta |
| ● Celoreng MINDEF | RM20 juta |
| ● Saham - Century Dynasty | RM20 juta |
| ● Exorbitance Influence Sdn. Bhd. (Krubal) | RM15 juta |
| ● Pelaburan Sunner Group | RM15 juta |
| ● Skim Perumahan DBI Properties/ Juta Kelulut | |

kedua tertinggi dicatatkan oleh skim pelaburan Mface atau MBI International Group dengan nilai mencecah RM700 juta.

"Seramai 350,000 orang dipercayai menjadi mangsa kepada skim pelaburan Mface tetapi polis hanya menerima dua laporan setakat ini," ujarnya.

Beliau berkata, skim pelaburan Bit Coin-Bit Kingdom pula mencatatkan jumlah kerugian kira-kira RM560 juta yang melibatkan seramai 80,000 mangsa.

"Sehingga kini, polis hanya menerima sebanyak 28 laporan dengan jumlah keru-

gian lebih RM770,000," kata beliau.

Dalam pada itu, kata beliau, polis menahan dua lelaki dan seorang wanita tempatan berusia 30 hingga 36 tahun dipercayai terlibat dengan skim pelaburan Krubal di dua lokasi iaitu di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang kelmarin.

"Polis menerima 105 laporan berhubung kes penipuan skim pelaburan Krubal dan dianggarkan kira-kira 1,500 hingga 2,000 orang menjadi mangsa dengan kerugian pelaburan kepada skim tersebut berjumlah RM788,901," kata beliau.

Kata beliau, kumpulan suspek

hunan itu, polis turut merampas empat buah kenderaan iaitu Mini Cooper, Toyota Vellfire, Vios serta pacuan empat roda Toyota Hilux.

"Kami juga merampas satu unit tablet, sembilan unit telefon pintar, tiga unit komputer riba, pelbagai dokumen dan sejumlah buku cek," kata beliau.

Tambah Acryl Sani, orang ramai tidak sepatutnya tamak sehingga mudah terpedaya dengan tawaran skim pelaburan yang menjanjikan keuntungan terlampau tinggi.

"Tidak ada mana-mana pelaburan yang

| | |
|---|------------|
| Global Resources | RM15 juta |
| ● Global Tijari | RM15 juta |
| ● Bit Coin | |
| - Al Mubin Agarwood | RM13 juta |
| ● Dato Dave (Syarikat Aero Asia Holding) | RM12 juta |
| ● Focus Capital Growth | RM3.4 juta |
| ● RJB Empire Group | RM450,000 |

boleh memberi keuntungan sehingga mencecahkan 100 peratus daripada nilai pelaburan kecuali cakap kosong sindiket skim penipuan," kata beliau.